Bahasa Mon

Rencana ini ialah mengenai Bahasa Mon, dituturkan di tenggara Myanmar dan barat Negara Thai. Untuk Bahasa Hmong di timur laut Negara Thai, barat laut Laos, dan utara Vietnam, sila lihat Bahasa Hmong.

Bahasa Mon merupakan sebuah bahasa Austroasia yangdituturkan oleh Orang Mon, yang tinggal di Myanmar dan Negara Thai. Di Myanmar, kebanyakan penuturnya tinggal di Negeri Mon, diikuti oleh Bahagian Tanintharyi dan Negeri Kayin.[2] Pada beberapa tahun ini, penggunaan Bahasa Mon telahpun merosot dengan cepat, terutamanya di kalangan golongan muda.[1] Banyak etnik Mon, seperti Shan, hanya berbahasa Burma. Bahasa Mon, tidak seperti kebanyakan bahasa di Asia Tenggara, tidak bernada.

Bahasa Mon dianggap penting dalam sejarah Burma. Bahasa ini merupakan lingua franca pada permulaan Pagan, semasa abad ke-9. Bahasa Burma Lama mulai menggantikan Bahasa Mon dan Bahasa Pyu sebagai lingua franca[3] Semasa pemerintahan raja Burma Raja Kyanzittha, yang memerintah dari tahun 1084 hingga tahun 1112 dan mengagumi budaya Mon, Bahasa Mon disanjungi. Baginda meninggalkan banyak ukiran dalam Bahasa Mon. Semasa zaman ini, ukiran Myazedi, yang mengandungi sebuah cerita dalam Bahasa Pali, Bahasa Pyu, Bahasa Mon, dan Bahasa Burma, diukir pada 4 sisinya dalam keempat-empat bahasa ini.[3] Namun selepas kemangkatan Kyanzittha, penggunaan Bahasa Mon merosot di kalangan orang Burma.

Bahasa Mon	
မဘာသာမန်	
Sebutan	*akan ditambah*
Asli di	Myanmar, Thailand, Amerika Syarikat (California)
Wilayah	Asia Tenggara
Penutur asli	Myanmar: 742,900, Total: 850,530[1] (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Austro-Asia ▪ Mon-Khmer ▪ Monik ▪ **Bahasa Mon**
Sistem penulisan	Huruf Burma
Status rasmi	
Bahasa rasmi di	tiada, diiktirafkan sebagai sebuah bahasa minoriti di Myanmar dan Negara Thai
Kod bahasa	
ISO 639-3	mnw

Isi kandungan

Loghat
Tulisan
Catatan
Bacaan lanjut
Pautan luar

Loghat

Terdapat tiga loghat utama di Myanmar, iaitu loghat Tengah (kawasan di sekeliling Mottama dan Mawlamyaing), loghat Bago, dan loghat Ye.[4] Semuanya saling difahami. Bahasa Mon Negara Thai mempunyai beberapa perbezaan dengan loghat di Myanmar, tetapi masih difahami antara satu sama lain.

Tulisan

Tulisan Mon adalah tulisan nenek moyang kepada skrip Burma, tetapi menggunakan beberapa huruf dan diakritik merupakan fonem yang tidak terdapat di Burma, seperti diakritik media 'l', yang dimana ianya ditempatkan di bawah huruf.[5]

Catatan

1. Gordon, Raymond G., Jr. (2005). "Mon: A language of Myanmar" (http://www.ethnologue.com/show_language.asp?code=mnw). *Ethnologue: Languages of the World, Fifteenth edition*. SIL International. Dicapai pada 2006-07-09.
2. Dr. SM. "The Mon Language (An endangered species)" (http://www.mrc-usa.org/mon__language.htm). Monland Restoration Council. Dicapai pada 2006-07-12.
3. Strachan, Paul (1990). *Imperial Pagan: Art and Architecture of Burma*. University of Hawaii Press. m/s. 66. ISBN 0-8248-1325-1.
4. South, Ashley (2003). *Mon Nationalism and Civil War in Burma: The Golden Sheldrake*. Routledge. ISBN 0-7007-1609-2.
5. "Proposal for encoding characters for Myanmar minority languages in the UCS" (http://lwinmoe.friendsofburma.org/doc/myanmar_extension.pdf) (PDF). International Organization for Standardization. 2006-04-02. Dicapai pada 2006-07-09.

Bacaan lanjut

- Diffloth, Gérard. *The Dvaravati Old Mon Language and Nyah Kur*. Monic language studies, vol. 1. Bangkok, Thailand: Chulalongkorn University Print. House, 1984. ISBN 9745637831
- Jenny, Mathias. *The Verb System of Mon*. Arbeiten des Seminars für Allgemeine Sprachwissenschaft der Universität Zürich, Nr 19. Zürich: Universität Zürich, 2005. ISBN 3952295418
- Pan‘ ” Lha. *The Significant Role of the Mon Language and Culture in Southeast Asia*. Tokyo, Japan: Institute for the Study of Languages and Cultures of Asia and Africa, 1992.
- Shorto, H. L. *A Dictionary of Modern Spoken Mon*. London: Oxford University Press, 1962.

Pautan luar

- Kategori berkenaan Bahasa Mon (https://commons.wikimedia.org/wiki/Category:Bahasa_Mon?uselang=ms) di Wikimedia Commons
- SEAlang Project: Mon-Khmer languages: The Monic Branch (http://sealang.net/mk/monic.htm)
- Mon Language Project (http://www.albany.edu/anthro/fac/broadwell/mon/)
- Ethnologue report for Mon (http://www.ethnologue.com/show_language.asp?code=mnw)
- Mon Language in Thailand: The endangered heritage (http://www.ibiblio.org/obl/docs/Mon%20Language%20in%20Thailand.htm)

Wikipedia ***Bahasa Mon***, ensiklopedia bebas

Kawalan kewibawaan GND: 4224438-9 (https://d-nb.info/gnd/4224438-9)

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Mon&oldid=4671560"

Laman ini kali terakhir disunting pada 04:19, 17 November 2019.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.